

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
[PADANG TERAP]**

TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 22

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah jenis tanaman kontan yang akan diperkenalkan oleh pihak Kementerian kepada pesawah bagi mengurangkan kebergantungan kepada hasil padi dan apakah bentuk mekanisme pelaksanaan yang akan digunakan termasuklah aspek penggunaan tanah dan pemasaran produk.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanaman kontan adalah jenis tanaman singkat masa seperti sayur-sayuran, pisang, jagung manis, ubi kayu, ubi keledak, ubi keladi, ubi sengkuang, ubi badak, kacang tanah, tebu serta halia dan kunyit yang dimakan segar. Ianya mengambil masa tidak lebih daripada setahun tempoh penanaman, kebiasaannya antara tiga (3) hingga enam (6) bulan. Pemilihan tanaman kontan adalah berdasarkan kesesuaian tanah, persekitaran dan permintaan pasaran.
2. Buat masa ini, penggunaan tanah untuk **pelaksanaan penanaman tanaman kontan di sawah padi adalah dihadkan di kawasan tepi sawah bagi kawasan jelapang**. Contoh pelaksanaan di kawasan tepi sawah adalah di Sg Burong, Tanjong Karang, Selangor. Pesawah menggunakan 1 ha kawasan tepi sawah dan ditanam dengan tanaman pisang. Walaubagaimanapun bagi kawasan luar jelapang adalah digalakkan mengamalkan penggiliran tanaman dalam petak sawah padi dengan tanaman kontan menggunakan teknologi sedia ada.
3. Walaubagaimanapun pelaksanaan tanaman kontan memerlukan penyediaan tanah yang sesuai seperti batas kerana petak sawah boleh bertakung air (musim hujan) dan mengelakkan pokok rosak terendam air.
4. Pemasaran boleh dilaksanakan secara jualan terus dari ladang oleh petani sendiri kepada peraih atau menyertai program ladang kontrak yang disediakan oleh FAMA di mana petani bersetuju mengeluarkan hasil pertanian secara tetap dan berterusan mengikut jadual pengeluaran yang ditetapkan oleh pembeli dan boleh menjamin pasaran hasil pertanian tersebut mengikut terma-terma di dalam kontrak yang dipersetujui petani.

Sekian, terima kasih.